CAHAYA SOCIETY
EDUCATION FOR ALL

# WARTA CAHAYA
# JUN 2023

T



cahayasociety.org

# KENALI KAMI!

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah. Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.



JUN 2023

# Bikin Apa?




**Siri Reviu Cahaya**
Pengisian atas talian dan karya anak-anak cahaya yang dimuatnaik ke media sosial. Siri ulasan filem, tokoh, pengalaman dan pelbagai lagi. Ikuti youtube dan tiktok Cahaya Society!



**Penilaian Kelas Menjahit Komuniti**
Kelas Menjahit menerusi Projek Kesejahteraan Sosioekonomi tajaan geran Yayasan Hasanah telah mencapai usia 3 bulan dan para ibukom menjalani penilaian teori pertama oleh rakan strategik kita, Qarl Iman.



**Penilaian Cahaya Learning Centre (CLC)**
Penilaian kefahaman pembelajaran CLC (Jan-Jun 2023) dalam kalangan 30 anak-anak cahaya serta analisis peningkatan dan perkembangan tahap anak-anak cahaya.




**Kunjungan oleh**
**Budimas Charitable Foundation**
Pasukan BCF berkunjung ke Cahaya Society untuk bertukar-tukar pandangan tentang advokasi pendidikan dan menjalin kerjasama untuk perancangan ke depan. Magsukul!

JUN 2023

# Bikin Apa?



**Acara Komuniti Lestari Sandakan**
Acara anjuran Majlis Perbandaran Sandakan dan Cahaya Society menjadi pempamer bersama Kelab Gerakan Belia Sandakan serta beberapa local brand yang hebat di Sandakan.



**Mesyuarat bersama YOSH Sandakan**
Pasukan Yosh Sandakan merancang untuk menganjurkan beberapa aktiviti komuniti dengan kerjasama Cahaya Society untuk bulan Julai 2023. Mohon doakan dipermudah!


KENYATAAN MEDIA

RESPON KEPADA MENTERI PENDIDIKAN BERKAITAN PINDAAN PERATURAN KEMASUKAN SEKOLAH MEMBABITKAN KANAK-KANAK TANPA DOKUMEN

CAHAYA SOCIETY

KENYATAAN MEDIA

CAHAYA SOCIETY

PRESS STATEMENT

**Kenyataan Media**
Respon kepada KPM dan YB Menteri Pendidikan atas usaha mencadangkan pindaan akta kemasukan sekolah membabitkan anak-anak tanpa dokumen khususnya di Sabah.




**Tayang Wayang**
Acara anjuran Kelab Alumni Cahaya iaitu menayangkan filem-filem inspiratif kepada komuniti dan berbaur pendidikan.




**Kunjungan oleh UNICEF Malaysia**
Robert Gass, UNICEF Representative to Malaysia dan pasukannya berkunjung untuk memahami dan melihat advokasi pendidikan kita di Cahaya Society serta melihat ruang dan peluang untuk mengantarabangsakan isu ini.

JUN 2023

# Bulan depan, bikin apa?

### Korban Cahaya 2023

Program sembelihan sempena Aidiladha 2023 bersama komuniti cahaya.

### Liga Futsal Alternatif

Acara pertandingan futsal membabitkan pusat-pusat alternatif di seluruh Sandakan.

### Pelancaran buku Modul Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK)

Projek pembangunan PFKK akan berhujung pada Julai 2023 dan dilancarkan untuk manfaat advokasi pendidikan di Sabah. Terima kasih Allianz Malaysia atas tajaan penuh projek ini bermula Jan-Julai 2023.

### Laporan Impak (Jan-Jun) 2023

Sebagai organisasi yang didukung oleh rakyat Malaysia, Cahaya Society akan menyediakan serta membentang Laporan Impak yang termuat analisis advokasi, program & projek, serta dana & perbelanjaan.





# Sokong Kami!

**Sumbangan untuk tujuan advokasi dan program pendidikan alternatif ke:**

8603686012
Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah (CIMB Bank)

**CAHAYA ENTERPRISE-QR**




*Terima kasih semua yang sentiasa percaya, menyokong dan mendukung aspirasi serta cita-cita Cahaya Society tidak kira secara terang mahupun sembunyi. Terus bersama dan menyebarkannya menjadi mesej-mesej perubahan sosial yang mapan. Merdeka!*

Emel: cahayasociety@gmail.com
Facebook/Instagram/Twitter: Cahaya Society